

Nama-nama Melayu : Masalah dalam Penyusunan

Abu Bakar Maidin*

Abstrak: Nama-Nama Melayu biasanya terdiri daripada tiga unsur: nama diri, bin/binti, nama bapa. Kaedah susunan nama-nama Melayu berdasarkan kepada cara penulis-penulis menulis nama mereka. Ada dua kaedah penyusunan, iaitu memfail mengikut nama diri sahaja dan yang kedua mengikut nama lengkap. Suatu perbandingan kedua-dua kaedah ini dibincangkan secara ringkas.

Abstract: Malay names usually consist of three elements: personal name, bin/binti, father's name. The filing of Malay names depends on the way the names are written in accordance with the authors' preferences. There are basically two ways to sort and file Malay names. One way is to file according to the personal name and the other is to take into consideration the complete name. A comparison between the two methods is discussed.

Masalah pemfailan atau penyusunan nama-nama Melayu tidaklah begitu rumit seperti mana masalah pemilihan dan penulisan nama-nama Melayu. Namun demikian, ini bukanlah bererti pemfailan nama-nama Melayu tidak menimbulkan masalah kepada penyusun-penyusun nama-nama Melayu. Mungkin, sebelum ini masalah ini tidak diberikan perhatian yang sewajarnya.

Dalam membincangkan masalah penyusunan nama-nama Melayu ini, ada dua elemen yang penting dan harus diperhatikan, iaitu:

- i. Nama
- ii. Peraturan memfail

Dua perkara atau elemen di atas akan diterangkan di bawah.

Nama

Nama Melayu mempunyai beberapa unsur penting iaitu, nama diri, bin/binti, nama bapa, dengan tambahan gelaran (sekiranya ada) pada nama diri.¹ Kadang-kadang nama diri ini dipanggil juga sebagai nama yang diberi (given name). Walaupun terdapat bentuk lain nama-nama Melayu, seperti nama diri bagi wanita yang digabungkan dengan nama suami (dalam beberapa amalan), namun dalam perbincangan ini nama itu akan dirujuk sebagai gabungan nama diri dengan nama bapa sahaja.

Peraturan memfail

Secara ringkas, kita tinjau dahulu apakah peraturan memfail yang terdapat dan dilaksanakan

di beberapa institusi yang terpilih. Ini bertujuan agar kita mendapat gambaran secara ringkas akan wujudnya beberapa peraturan memfail yang boleh dipilih dan dilaksanakan oleh sesebuah institusi.

ALA Rules for Filing Catalog Cards (Chicago, 1968) telah dijadikan asas dalam pemfailan ini. Bahan ini telah pun diterjemahkan ke dalam bahasa Malaysia dengan judul, *Peraturan-peraturan ALA Untuk Memfail Kad-Kad Katalog* (1978) oleh Perpustakaan Negara Malaysia.

Pihak Library of Congress sendiri telah menerbitkan *Library of Congress Filing Rules* (1980) yang secara automatiknya memansuhkan penggunaan peraturan memfail yang digunakan sebelum ini iaitu, *Filing Rules for the Dictionary Catalogs in the Library of Congress* (1956).

Perpustakaan Negara Malaysia (PNM) pula menggunakan beberapa peraturan memfail seperti *British Library Filing Rules, Feb. 1976* dan *ALA Rules for Filing Catalog Cards*. Ini adalah berdasarkan kepada penerbitan oleh PNM, seperti *Bibliografi Negara Malaysia* (Oktober-Disember 1985).

Penggunaan komputer dalam teknologi dan sistem maklumat menyebabkan munculnya satu lagi kaedah pemfailan iaitu kaedah ASCII (American Standard Code for Information Interchange). Dalam kaedah ini angka-angka difailkan dahulu dan diikuti oleh huruf-huruf abjad dengan abjad besar mendahului abjad kecil. Perbandingan untuk proses pemfailan adalah aksara demi aksara (digit by digit).

* Pustakawan Cawangan Automasi, Perpustakaan, Universiti Kebangsaan Malaysia

Peraturan-peraturan yang disebutkan di atas tadi telah dijadikan panduan dan amalan dalam penyusunan nama-nama termasuk nama-nama Melayu, dan terpulanglah peraturan mana yang hendak diikuti oleh sesebuah institusi itu dalam pembinaan sesuatu katalog, senarai atau bibliografi.

Skop perbincangan

Apabila membincangkan masalah pemfailan nama-nama Melayu, suatu hal yang harus dilihat bersama adalah masalah pemilihan dan penulisan nama-nama Melayu, kerana kedua-dua hal ini berkait antara satu sama lain. Namun demikian, untuk tujuan penulisan di sini, semua hal mengenai pemfailan yang bergantung kepada pemilihan dan penulisan nama-nama Melayu adalah tidak disentuh.

Pelaksanaan peraturan memfail nama-nama Melayu

Seperti mana yang diketahui, prinsip umum dalam memfail mengikut *ALA Filing Rules* adalah prinsip ‘tiada sebelum ada’ (nothing before something). Dalam peraturan ini apa yang dibandingkan adalah perkataan-perkataan yang terdapat pada nama, manakala dalam perkataan pula dibandingkan huruf-huruf.

Masalah akan timbul apabila perkataan pertama daripada nama-nama Melayu yang dibandingkan itu adalah sama, dan tidak dapat dipastikan perkataan kedua daripada nama tersebut sama ada sebahagian daripada nama diri ataupun nama bapa. Ini berlaku, selalunya pada nama yang bermula dengan nama *Muhammad*, seperti berikut:

Muhammad Nordin
Muhammad Ali Abdullah

Di antara kedua nama tersebut di atas, nama yang manakah seharusnya difaikkan dahulu? Dalam menyusun kedua-dua nama di atas, ada dua hal yang mesti ditentukan terlebih dahulu, iaitu:

- i. Peraturan manakah yang akan digunakan, sama ada perbandingan nama diri dengan nama diri sahaja dibuat dahulu, atau nama lengkap dengan nama lengkap (tanpa mengambil kira nama diri atau nama bapa).

- ii. Mengenal pasti nama diri bagi kedua-dua nama berkenaan, jika peraturan perbandingan nama diri dengan nama diri hendak digunakan.

Katakanlah nama *Muhammad Nordin* tersebut adalah *Muhammad bin Nordin* dan *Muhammad Ali Abdullah* pula adalah *Muhammad Ali bin Abdullah*. Sekiranya kaedah nama diri dengan nama diri digunakan, susunan nama di atas akan menjadi seperti di bawah.

Muhammad Nordin
Muhammad Ali Abdullah
(Susunan Nama Diri, SND)

Bagi memudahkan perbincangan seterusnya eloklah dinamakan susunan nama seperti di atas sebagai *Susunan Nama Diri* atau singkatannya *SND*.

Sebaliknya pula, jika perbandingan nama lengkap dilakukan (perkataan demi perkataan pada nama lengkap), tanpa mengambil kira nama itu sebahagian dari nama diri atau nama bapa, nama-nama tersebut akan tersusun seperti di bawah pula.

Muhammad Ali Abdullah
Muhammad Nordin
(Susunan Nama Lengkap, SNL)

Susunan nama di atas kita panggil pula sebagai *Susunan Nama Lengkap* atau singkatannya *SNL*.

Jelas, kedudukan entri atau rekod akan berbeza apabila kaedah yang berbeza digunakan.

Berikutnya, bagaimana pula kalau ada pengarang lain yang namanya adalah *Muhammad Nordin bin Ahmad*, tetapi ditulisnya dalam karya beliau sebagai *Muhammad Nordin* sahaja, seperti mana adanya pengarang yang tidak menuliskan nama lengkap mereka dalam sesebuah karya mereka. Mengikut *SND* ianya akan menjadi seperti berikut:

Muhammad Nordin
Muhammad Ali Abdullah
Muhammad Nordin

Manakala *SNL* pula akan menjadi seperti berikut:

Muhammad Ali Abdullah
Muhammad Nordin
Muhammad Nordin

Tidakkah Susunan SND di atas boleh mengelirukan pengguna indeks atau katalog? Cara susunan begini memerlukan penerangan yang jelas mengenai sistem pemfailan kepada pengguna-pengguna katalog/indeks dan persoalannya, adakah perkara ini pernah dilakukan?

Sepertimana yang telah ditunjukkan dalam contoh di atas, masalah memfail akan timbul apabila seseorang penulis tidak meletakkan *bin* atau *binti* dalam karya mereka. Adakah nama *Nordin* pada nama *Muhammad Nordin* ini sebahagian dari nama diri ataupun nama bapa? Hal ini harus ditentukan terlebih dahulu sekiranya cara pemfailan SND digunakan. Sebaliknya pula, jika cara pemfailan SNL dilaksanakan, penentuan atau penyelidikan mengenai perkataan kedua atau berikutnya adalah sudah perlu lagi.

Kalau dilihat pada katalog perpustakaan, terutama perpustakaan yang koleksinya mencapai ratusan ribu, seperti perpustakaan akademik, atau sebagai contoh pada *Katalog Induk Sistem Malmarc* yang mengintegrasikan katalog-katalog perpustakaan-perpustakaan akademik di Malaysia dan Perpustakaan Negara Malaysia, kita akan dapati masalah tersebut menjadi lebih kakau apabila dilihat pada entri nama *Muhammad*.

Awalan nama-nama yang boleh menimbulkan kekeliruan seperti ini adalah seperti *Abdul*, *Abdullah*, *Ahmad*, *Muhammad* dan lain-lain nama yang nama dirinya mempunyai lebih dari satu perkataan.

Sistem Malmarc

Berikut kita tinjau bagaimana proses pemfailan dalam *Katalog Induk Sistem Malmarc*. Ini penting untuk diketahui kerana katalog ini adalah merupakan katalog induk terbesar dalam negara kita. Dan sebagai katalog induk, sudah pastilah katalog ini menjadi rujukan utama sama ada dalam mengesan bahan oleh pengguna ataupun sebagai sumber rujukan/semakan kepada kakinangan perpustakaan.

Untuk melihat bagaimana sistem tersebut menyusun, elok rasanya dilihat bagaimana bentuk data pengkatalogan untuk pengarang dimasukkan. Contoh data yang dimasukkan dalam borang kemasukan data katalog adalah seperti di bawah.²

100.00b\$uMd.\$wMuhammad\$aAlias\$ubin\$Jaafar##
(Nama di atas akan difail sebagai
Muhammad Alias Jaafar.)

Oleh kerana nama di atas akan disusun sebagai *Muhammad Alias Jaafar*, maka kaedah penyusunannya adalah perkataan demi perkataan pada nama tersebut, ataupun dengan lain perkataan mengikut SNL.

Untuk menjelaskan lagi keadaan memfail dalam Sistem Malmarc, saya telah mengambil beberapa susunan entri pengarang seperti di bawah, dari *Katalog Pengarang/Judul Perpustakaan Universiti Kebangsaan Malaysia Jan 1987 - Okt 1988* (dalam bentuk mikrofis), yang juga hasil dari Sistem Malmarc, sebagai contoh.

- a) Mohd Idris bin Hj. Zainal Abidin
Muhammad bin Ismail Daud, Patani
Mohd. Ismail Sarbini, 1950-
- b) Mohd Tajuddin bin Haji Abdul Rahman
Muhammad bin Wan Muhammad, Wan
Mohd Yusof bin Hashim

Dari kedua-dua contoh susunan entri di atas, jelas menunjukkan Sistem Malmarc melaksanakan kaedah pemfailan perkataan demi perkataan (SNL) tanpa mengambil kira sama ada sesuatu bahagian nama itu nama diri atau nama bapa. Susunan ini adalah munasabah kerana ia dihasilkan menerusi komputer.

Kalau kita melihat pada *Daftar Nama Pengarang-pengarang Melayu* yang diterbitkan oleh Perpustakaan Dewan Bahasa dan Pustaka (1989), cara susunan nama-nama adalah cara SND. Contohnya, pada halaman 162 bahan berkenaan seperti yang diturunkan di bawah.

Muhammad B. Wan Adnan, Wan
Muhammad B. Wan Dagang, Wan
Mohamed B. Yacob, Lebai
Mohd. Abdul Aziz B. Salleh
Muhammad Adnan B. Bahari

Beginu juga dalam kebanyakan penerbitan yang dihasilkan oleh pihak-pihak yang berkaitan (di Malaysia), yang melibatkan penyusunan nama-nama Melayu serta dibuat secara 'manual', susunan yang digunakan adalah mengikuti SND.

Cadangan

Dari dua kaedah menyusun yang ditimbulkan sebelum ini, kaedah yang manakah yang lebih baik dan patut digunakan sebagai suatu standard dalam hal pemfailan nama-nama Melayu? Dalam menentukan pemilihan terhadap dua cara

susunan tersebut, beberapa perkara hendaklah difikirkan seperti:

- i. Kesesuaian dan praktikal di pihak pengguna serta mudah diterangkan dan difahami oleh pengguna.
- ii. Mudah diamalkan atau dilaksanakan.
- iii. Kesesuaian dengan keadaan semasa yang menggunakan sistem komputer. Pengguna-pengguna komputer mikro dengan perisian seperti dBase, Lotus, CDS/ISIS dan sebagainya sudah tentu biasa dengan sistem pemfailan ASCII.

Pada pandangan saya, kaedah pemfailan yang lebih praktikal adalah kaedah perkataan demi perkataan tanpa mengira sama ada sesuatu bahagian nama itu sebahagian dari nama diri atau pun nama bapa. Cara ini adalah mengikut SNL di atas. Penggunaan cara ini adalah mudah kerana tidak perlu membuat penyelidikan terlebih dahulu akan sesuatu bahagian nama itu sama ada sebahagian dari nama diri ataupun nama bapa. Ini tentu menjimatkan masa dan tenaga.

Satu lagi kebaikan mengikut kaedah SNL, adalah, kaedah ini boleh mengumpulkan nama-nama yang sama dalam satu urutan walaupun kadang-kadang seseorang pengarang tidak menulis nama bapanya atau tidak dapat dipastikan perkataan kedua dari nama berkenaan sama ada sebahagian dari nama diri ataupun nama bapa. Dengan demikian, pengguna katalog ataupun indeks tidak perlu membuat penyelidikan dahulu akan sesuatu nama itu sama ada nama dirikah ataupun nama bapa, seperti nama *Muhammad Nordin* di atas.

Sekiranya kaedah ini tidak digunakan dan kaedah perbandingan nama diri hendak digunakan (SND), perubahan pada pengkatalogan Sistem Malmarc hendaklah diubahsuai untuk memenuhi kaedah ini. Mungkin *first indicator* dan *subfield code* untuk nama diri/bapa atau sejenisnya diperlukan untuk membuatkan sistem pemfailan mengikut kaedah ini.

Penggunaan operator 'Boolean' kepada katalog awam dalam talian (online public access catalogue) ataupun pangkalan data berkomputer boleh mengatasi masalah yang dibincangkan dengan cara diindeks tiap perkataan pada nama. Pencarian cara ini dikenali sebagai pencarian katapunca (keyword searching). Disinilah letaknya kelebihan penggunaan komputer dalam pembentukan katalog awam ataupun pangkalan data. Tetapi, apabila kita mengeluarkan katalog dalam bentuk bercetak ataupun mikrofis, masalah yang dibincangkan tadi perlu diberi perhatian semula.

Baik rasanya, bagi pihak yang ingin menggunakan komputer dalam pengindeksan ataupun penyusunan berabjad sesuatu senarai, mengetahui susunan komputer ataupun ASCII, kerana dengan demikian langkah-langkah tertentu boleh diambil sebagai persediaan agar susunan yang dihasilkan nanti benar-benar seperti mana yang dikehendaki di samping mengetahui kebolehan perisian komputer yang digunakan sama ada mampu mengindeks/menyusun seperti mana yang seharusnya.

Akhirnya pada pendapat saya, penentuan kaedah penyusunan nama-nama Melayu dari dua kaedah yang disebutkan di atas adalah diperlukan segera agar kekeliruan dapat dielakkan dan standard pemfailan yang mantap dapat dihasilkan serta diamalkan oleh kesemua institusi sumber maklumat dalam setiap penerbitan yang berkaitan. Bukanlah suatu yang mustahil bagi pihak-pihak yang berkaitan untuk mengeluarkan suatu peraturan memfail yang boleh dijadikan panduan untuk semua pihak yang terlibat dalam penyusunan nama-nama Melayu. Didalam ini nantidi harap, masalah perkataan *Haji* pada nama bapa dapat dijelaskan sama ada perlu diambil kira atau tidak dalam pemfailan. Ini kerana sudah wujud dua pendapat daripada apa yang saya dapat. Pendapat pertama mengambil kira dalam penyusunan berabjad manakala pendapat kedua tidak mengambil kira dalam penyusunan berkenaan.

Rujukan

1. Takrif dan huraian nama Melayu yang lebih lanjut, sila lihat Kamariah Abu Samah, Normah Bachik dan Wan Salhah Hj. Megat Ahmad, 'Nama pengarang-pengarang Melayu: pengkatalogan & pengindeksan', Kertas kerja Bengkel Nama Pengarang Melayu (Kuala Lumpur : 18 Oktober, 1989).
2. Dipetik dari Manual Malmarc, h.24.